

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

SOALAN :

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan diskriminasi terhadap eksport minyak sawit negara ke
Eropah yang wujud dan pendirian Kerajaan serta usaha-usaha untuk
mendepaninya.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri sawit negara berhadapan dengan pelbagai halangan, termasuk tariff dan bukan tariff bagi eksport terutamanya ke negara-negara di Kesatuan Eropah. Ini adalah berdasarkan kepada andaian yang tidak berasas termasuk pengeluaran minyak sawit yang tidak mampan dan kesesuaian penggunaan minyak sawit dari sudut kesihatan.

Dalam hal ini, antara halangan-halangan pengeksportan minyak sawit ke negara-negara di Kesatuan Eropah termasuk:

- (i) cadangan Kerajaan Perancis untuk menaikkan cukai import ke atas minyak sawit atas alasan pengeluaran minyak sawit adalah tidak mampan. Walau bagaimanapun, cadangan ini telah digugurkan pada 22 Jun 2016. Namun begitu, Kerajaan Perancis sedang menilai semula struktur duti bagi cukai import ke atas semua minyak sayuran;
- (ii) laporan *European Food Safety Authority* (EFSA) pada bulan Mei 2016 mengenai kandungan bahan kontaminasi *3-monochloropropanediol (3-MCPD) ester* dan *glycidyl ester* (GE) dalam minyak sawit bertapis adalah lebih tinggi berbanding minyak sayuran lain. Dalam hubungan ini, Kementerian sedang mengambil tindakan bagi memastikan

pengeluaran minyak sawit bertapis negara tidak mengandungi kadar 3-MCPD yang tinggi; dan

- (iii) Terdapat pengeluar produk-produk makanan di Eropah seperti di Itali dan Perancis yang telah meletakkan label "*No Palm Oil*" ke atas produk keluaran mereka. Ini adalah atas alasan penggunaan minyak sawit memudaratkan kesihatan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian bersama-sama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) serta Pejabat Kedutaan Malaysia di negara-negara di Kesatuan Eropah sentiasa memantau perkembangan ini agar pasaran eksport minyak sawit tidak terjejas. Antara langkah-langkah terkini yang telah diambil adalah termasuk:

- (i) menganjurkan Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke Perancis, dan Belgium yang diketuai oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada bulan September 2016. Misi ini melibatkan perjumpaan dua hala dengan pelbagai pihak-pihak berkepentingan termasuk ahli-ahli Parlimen Eropah, pegawai kanan kerajaan, persatuan minyak sawit Eropah dan *French's Agricultural Research for Development* (CIRAD). Ini telah membolehkan Malaysia menjelaskan isu-isu yang berkaitan dengan minyak sawit dengan pihak-pihak tersebut;

- (ii) menganjurkan seminar mengenai *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) bersempena dengan Misi ke Kesatuan Eropah pada 5 September 2016. Seminar ini telah menyediakan landasan untuk menyebarkan maklumat mengenai usaha-usaha negara dalam memastikan kesesuaian minyak sawit untuk tujuan makanan dan kemampanan pengeluarannya; dan

- (iii) menganjurkan lawatan program suai kenal minyak sawit khusus kepada Ahli-ahli Parlimen Eropah dan pihak-pihak yang berkepentingan. Program ini memberi pendedahan akan usaha-usaha Malaysia bagi meningkatkan kemampanan industri sawit, pemuliharaan alam sekitar dan inisiatif pembasmian kemiskinan. Program ini secara langsung membolehkan ahli-ahli parlimen Eropah meningkatkan pemahaman mereka tentang kemampanan industri sawit Malaysia dan kepentingan industri sawit kepada pembangunan ekonomi.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain itu, Malaysia juga bekerjasama dengan Indonesia di bawah kerangka *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) untuk menangani isu-isu berkaitan dengan minyak sawit. Sekretariat CPOPC yang telah beroperasi mulai 1 Ogos 2016 sedang merancang aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan imej minyak sawit. Ini termasuk Misi Promosi Minyak Sawit peringkat Menteri dan Pegawai.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan terus memantau perkembangan-perkembangan di negara pengimport dan mengambil tindakan menanganinya ke arah memastikan pasaran eksport minyak sawit tidak terjejas. Langkah ini juga akan memastikan kebajikan para penanam sawit terutamanya para pekebun kecil adalah terjamin.

Sekian, terima kasih.